b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
c) Memanjat permukaan batu atau mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu, meneroka gua, meluncur udara, terjun bungee, payung terjun atau sebarang jenis perlumbaan melainkan yang menggunakan kaki;
d) Memandu pesawat atau sebarang kegiatan udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat berlesen yang dikendalikan oleh pengendali pengangkutan udara komersil atau pengendali sewa khas yang diiktiraf dan dipandu oleh krew professional di antara lapangan terbang - lapangan terbang yang dijaga rapi;
e) Perbuatan atau sebarang kegiatan haram.

2) Peserta dipengaruhi oleh pengambilan alkohol atau dadah melainkan dadah tersebut diambil atas arahan seorang pengamal perubatan yang berkelayakan di sisi undang-undang dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.

3) Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman. Apa-apa perbuatan yang dirancang awal oleh Orang yang Dilindungi atau mana-mana pihak bagi tujuan mendapatkan bayaran manfaat.

4) Kehamilan, kelahiran anak atau kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia wujud.

5) Kecacatan sedia ada, kecacatan fizikal dalam mana-mana keadaan seperti lumpuh atau memerlukan alat bantuan untuk berjalan atau alat bantuan untuk pendengaran yang ada sejak permulaan Sijil Takaful dan juga mana-mana kecederaan yang berlanjutan kepada kecacatan fizikal yang sedia ada.

6) Sengaja mendedahkan diri kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).

7) Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (Human Immunodeficiency Syndrome atau HIV) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (Acquired Immune Deficiency Syndrome atau AIDS) atau Masalah Berkaitan AIDS (AIDS Related Complex atau ARC), tidak kira bagaimana ia disebabkan dan/atau sebarang mutasi, derivatif atau variasinya tidak kira bagaimana ia disebabkan dan rawatannya.

8) Penglibatan secara langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.

9) Radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dan sebarang bahan api nuklear atau dan sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.

10) Peperangan, perang saudara - sama ada diisytiharkan atau tidak.

11) Sebarang perlakuan keganasan.

12) Menunggang motosikal tanpa lesen memandu yang sah.

13) Memandu tanpa lesen memandu yang sah.

14) Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab bagi kematian atau keilatan akibat kemalangan yang berpunca dari pekerjaan Orang Yang Dilindungi jika Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak secara langsung terlibat dalam sebarang pekerjaan/tugasan yang tersebut di bawah. Walaubagaimanapun, faedah di bawah Takaful ini akan membayar di mana kematian atau keilatan akibat kemalangan berpunca dari urusan peribadi dan aktiviti sosial di luar daripada skop bidang tugas Orang Yang Dilindungi.

Pekerjaan dikecualikan : Pembawa Wang Professional, Penunggang Dispatch, Penyelam, Pemandu Lumba, Joki Kuda, Penguji Pesawat, Juruterbang atau Krew Kapal Terbang, Pekerja Buruh di Pelabuhan, Pengendali Letupan, Pekerja yang terlibat dengan Perobohan Bangunan, Pekerja Penerowongan dan Bawah Tanah, Wartawan Perang, Pengergaji, Pekerja Pelantar Minyak, Pekerja Pembalakan, Ahli Bomba, Pelaut dan Nelayan Laut, Jurumesin Kerja Kayu, Ahli Seni Mempertahankan Diri, Peninju, Ahli Gusti, Pekerja yang terlibat dengan Perkhidmatan Ambulans, Tukang Menara, Polis atau Pegawai Tentera atau Penguatkuasa Undang-Undang (kecuali yang terlibat dalam kerja-kerja pentadbiran).

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN**

Kontrak Takaful Pengguna - Apabila Pemilik Sijil telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan Pemilik Sijil, perniagaan atau profesion Pemilik Sijil, Pemilik Sijil mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa Pemilik Sijil membuat permohonan takaful ini) seperti contoh, Pemilik Sijil perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Pemilik Sijil selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pemilik Sijil juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Pemilik Sijil tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Pemilik Sijil juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful Pemilik Sijil ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Pemilik Sijil membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna - Apabila Pemilik Sijil telah memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pemilik Sijil, Pemilik Sijil mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Pemilik Sijil tahu yang akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Pemilik Sijil. Pemilik Sijil juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful Pemilik Sijil ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Pemilik Sijil membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

**SYARAT-SYARAT**

1) Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Perubahan kepada peraturan-peraturan Sijil Induk, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.

2) Sebagai syarat sebelum Pengendali Takaful menerima sebarang tanggungan Peserta hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil Induk dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

3) Sekiranya cadangan atau perakuan Peserta tidak benar dalam sebarang hal atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjejaskan risiko disalahnyatakan di dalamnya atau gagal dinyatakan, atau jika Sijil Takaful atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salahnyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Sijil Takaful akan dianggap terbatal.

4) Peserta hendaklah memberi notis serta-merta secara bertulis kepada Pengendali Takaful mengenai sebarang perubahan dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau kegiatannya dan membuat sebarang caruman tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Pengendali Takaful. Sebelum setiap pembaharuan Sijil Takaful, Peserta mesti memberitahu Pengendali Takaful secara bertulis mengenai sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah disedari atau dialami oleh Peserta.

5) Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini:

   a) Notis bertulis yang menyatakan butir-butir kecederaan hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan sedemikian.
   b) Peserta hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang wajar dengan secepat mungkin.
   c) Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Pengendali Takaful mestilah disediakan alas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful.
   d) Peserta mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pengendali Takaful.
   e) Sekiranya Peserta meninggal dunia, Pengendali Takaful berhak untuk meminta pemeriksaan bedah-siasat dijalankan atas perbelanjaan Pengendali Takaful dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasatan yang akan diadakan.

6) Sijil Takaful tidak boleh diserah hak dan Pengendali Takaful tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang amanah, gadaian, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Sijil ini. Sebarang resit atau pelepasan yang diberikan oleh Peserta atau wakil peribadi Peserta yang sah di sisi undang-undang kepada Pengendali Takaful hagi sebarang jumlah dilindungi atau pampasan di bawah Sijil Takaful akan dianggap sebagai pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan Pengendali Takaful terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kemungkinan (termasuk kematian) yang berlaku kepada Peserta akibat daripada kemalangan tersebut sama ada ia disebabkan sebelum atau selepas tarikh penerimaan resit atau pelepasan tersebut.

7) Tindakan undang-undang atau kesaksamaan tidak boleh diambil untuk tuntutan di bawah Sijil Takaful sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis mengenai kehilangan telah diberikan mengikut keperluan Sijil ini. Tindakan sedemikian tidak boleh diambil setelah tamat tempoh satu tahun selepas bukti bertulis kehilangan perlu diserahkan.

8) Segala percanggahan yang timbul daripada Sijil Induk hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik sebarang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh Pengendali Takaful terhadap sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

9) Setiap notis dan lain-lain komunikasi kepada Pengendali Takaful yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah secara bertulis atau bercetak.

10) Sijil Takaful boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta. Sijil Takaful juga boleh ditamatkan atas pilihan Pengendali Takaful dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta di alamatnya yang terakhir yang diketahui.

11) Sijil Induk dan Sijil Takaful hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau penyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil Induk dan Sijil Takaful hendaklah membawa makna sedemikian di mana ia tercatat.

12) Semua Caruman di bawah Sijil ini tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invois dan Pengendali Takaful berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada Caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini.

Cukai bermaksud sebarang cukai, levi, atau kewajipan langsung atau tidak langsung, yang termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

13) Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara kandungan dokumen ini dan kandungan dokumen serupa yang diterbitkan atau dicetak dalam bahasa lain, kandungan dokumen yang diterbitkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)**
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (seterusnya dirujuk sebagai “Akta”), yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Zurich General Takaful Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "**Kami**"). **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi, mengehadkan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.
Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di laman web korporat www.zurich.com.my

**PENAMAAN**
Penamaan bermaksud proses Pemilik Sijil melantik individu untuk menerima manfaat takaful sekiranya berlaku kematian terhadap Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa selepas Jadual Sijil dikeluarkan. Penamaan adalah bersyarat dan boleh dibatalkan oleh Pemilik Sijil pada bila-bila masa sepanjang tempoh takaful dan hanya akan berkuat kuasa dari tarikh Kami terima notis bertulis.

Penama adalah orang yang dilantik untuk menerima manfaat takaful sama ada sebagai benefisiari (penerima yang dimaksudkan) atau sebagai wasi (pelaksana).

Penama yang dilantik sebagai benefisiari akan menerima manfaat takaful melalui kontrak hibah bersyarat, dan manfaat takaful di bawah Jadual Sijil ini dikecualikan daripada undang-undang perwarisan yang terpakai.

Penama yang dilantik sebagai Wasi mestilah mencapai umur lapan belas (18) tahun, akan menerima manfaat takaful sebagai pentadbir, bertanggungjawab untuk mengagihkan manfaat takaful mengikut undang-undang Islam (faraid) atau Akta Pembahagian.

Pembayaran manfaat takaful akan dibuat mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

**PERKONGSIAN LEBIHAN**
Kami akan menguruskan caruman takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA). Jika pada akhir Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadua Sijil yang dilampirkan kepada Sijil, terdapat lebihan bersih dalam GRIA, lebihan bersih akan dikongsi secara seimbang pada nisbah 50:50 di antara Kami / Pengendali Takaful dan Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima sebarang manfaat di bawah kelas risiko sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil tersebut selagi Sijil berkuat kuasa.

Semua Peserta runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk pengagihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua Peserta korporat yang tidak membuat sebarang tuntutan melebihi tiga puluh (30%) peratus daripada caruman kasar dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk Tempoh Takaful satu (1) tahun dan telah tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan yang dibuat oleh Aktuari Kami Yang Bertanggungjawab dan diendors oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

**KAEDAH MEMPERUNTUKKAN JUMLAH CARUMAN KECIL**

Bagi sebarang jumlah yang perlu dibuat dan dijelaskan kepada Anda yang kurang daripada jumlah caruman kecil, Kami akan mendermakan jumlah wang tersebut kepada kebajikan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami. Nilai jumlah caruman kecil tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.

**PENTING**

Pemilik Sijil hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pemilik Sijil, sila maklumkan kepada Kami dengan serta-merta dan Sijil dipulangkan untuk perhatian Kami.

**PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL**
Sila semak Sijil untuk memastikan ia memenuhi keperluan Pemilik Sijil.

Untuk mengelakkan salah faham, Sijil, Jadual Sijil dan sebarang pengendorsan yang dilampirkan di dalamnya hendaklah dibaca dengan teliti. Jika Pemilik Sijil mempunyai sebarang aduan atau rungutan berkaitan Sijil, sila hubungi ejen Pemilik Sijil, jika ada atau hubungi pejabat pengeluar Kami. Kami memberi jaminan bahawa aduan Pemilik Sijil akan diberi perhatian dengan segera. Sebagai pengendali takaful yang bertanggunggjawab, Kami ingin memaklumkan Pemilik Sijil bahawa Pemilik Sijil juga boleh mengemukakan ketidakpuasan hati Pemilik Sijil kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) atau Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah.

**Prosedur mengemukakan aduan kepada OFS**
Jika Pemilik Sijil tidak berpuas hati dengan keputusan Kami, Pemilik Sijil boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Sijil ini.

Jika keputusan Pengantara memihak kepada Pemilik Sijil berbanding Kami, Pemilik Sijil dikehendaki memaklumkan Pengantara sama ada Pemilik Sijil menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari.

Jika Pemilik Sijil tidak setuju dengan bayaran tersebut, Pemilik Sijil boleh menolak keputusan Pengantara. Pemilik Sijil bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap Kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

Pemilik Sijil boleh menghubungi Kami di:
**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
Emel: callcentre@zurich.com.my

Pemilik Sijil boleh berhubung dengan OFS di:
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 603-2272 2811
Faks: 603:2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman web:www.ofs.org.my

**Prosedur mengemukakan aduan kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)**
Sebagai alternatif, **Pemilik Sijil** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati tehadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BPP untuk memberikan butiran aduan dan maklumat Sijil ini kepada:

**Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)**
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia,
Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603-21741717)
Faks: 03-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan**:** 1-300-888-622
www.zurich.com.my

# Sijil Takaful Isi Rumah (EZHoliday)
# *Home Content Takaful Certificate (EZHoliday)*

## PERJANJIAN KAMI / *OUR AGREEMENT*

Sebagai balasan kepada **Anda** yang telah memohon kepada **Kami** bagi tujuan perlindungan harta **Anda** melalui permohonan dan pengisytiharan yang menjadi tunjang perjanjian ini dan setelah **Anda** membuat caruman yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut. **Kami**, setelah menerima caruman tersebut, akan menguruskan pelan Takaful ini berlandaskan terma, syarat dan manfaat seperti tercatat di dalam Sijil ini. Tidak akan ada apa-apa perubahan kepada terma Sijil ini kecuali dengan cara pengendorsan.
*In consideration of **You** having applied to **Us** to cover **Your** property by an application and a declaration which shall be the basis of this contract, and having made the contribution mentioned in the **Schedule**. **We,** upon received the contribution, will manage this Takaful plan on the terms, conditions and benefits as stated in this Certificate. No variations or changes to the terms of this Certificate shall come into force unless effected by an Endorsement.*

Sekiranya terdapat baki dalam (Akaun Pelaburan Risiko Genera) GRIA yang tidak mencukupi untuk membayar bagi manfaat-manfaat Takaful **Anda** semasa Tempoh Takaful, **Kami** akan membuat keseimbangan dalam GRIA di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaian **Kami**. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaian **Kami**, **Kami** akan membuat pindahan secara langsung di bawah kontrak Hibah (hadiah). **Anda** seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan **Anda** yang diperolehi daripada GRIA semasa Tempoh Takaful **Anda** boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam GRIA (jika ada) kepada **Kami**.
*In the event of insufficient balance in (General Risk Account) GRIA to pay for **Your** Takaful Benefits during the **Period of Takaful**, **We** will make good the balance in the GRIA under the principle of Qard (loan) provided that the insufficiency is not due to **Our** negligence. If the insufficiency is due to **Our** negligence, **We** will make an outright transfer for the insufficiency. **You** further agree that **Your** future surplus arising from the GRIA during **Your** Takaful period can be used to pay for outstanding Qard in GRIA (if any) to **Us**.*

## TANGGUNGJAWAB KAMI / *OUR RESPONSIBILITY*

Di atas pilihan **Kami, Kami** akan membayar **Anda,** atau memulihkan semula atau membaiki harta dilindungi bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana **Kejadian Yang Dilindungi** yang berlaku sewaktu **Tempoh Dilindungi** dalam Tempoh Takaful di bawah Sijil ini.
***We** will pay **You**, or at our option, reinstate or repair the property covered for loss or damage caused by any of the **Covered events** occurring during the **Covered period** within the **Period of takaful** under this **Certificate**.*

## PERJANJIAN KAMI / *OUR AGREEMENT*

**Terpakai bagi Kontrak Takaful Pengguna / A*pplicable for Consumer Takaful Contracts***

**Sijil** ini dikeluarkan sejajar dengan **Caruman** yang dibuat yang ditentukan dalam **Jadual Sijil** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.
*This **Certificate** is issued in consideration of the **Contribution** made as specified in the **Certificate Schedule** and pursuant to the answers given in **Your** Proposal Form (or when **You** applied for this takaful) and any other disclosures made by **You** between the time of submission of **Your** Proposal Form (or when **You** applied for this takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by **You** shall form part of this contract of takaful between **You** and **Us**. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to **Your** answers or in any disclosures given by **You**, only the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013 will apply.*

**Sijil** ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.
*This **Certificate** reflects the terms and conditions of the contract of takaful as agreed between **You** and **Us***

## APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI / *WHAT MAKES UP THIS CERTIFICATE*

Takaful ini tidak melindungi diri **Anda** terhadap sebarang kemungkinan yang akan berlaku**.**
Sila baca **Sijil** ini dengan teliti bagi memastikan **Anda** faham tentang apa yang dilindungi serta terma dan syarat yang digunapakai dan pastikan **Anda** berpuashati dengan perlindungan yang diberi.
*This takaful does not cover **You** against everything that can happen.*
*Please **read Your certificate** carefully to make sure **You** understand what it covers, the terms and conditions applicable and make sure You are satisfied with this cover.*

**Tajuk-tajuk yang tertera bukan sebahagian daripada kandungan Sijil.**
***The heading does not form part of the Certificate wording.***

**Sijil, Jadual** dan **Pengendorsan-pengendorsan** mesti dibaca bersama kerana ianya membentuk kontrak Takaful **Anda.**
*The **Certificate**, **Schedule** and **Endorsements** must be read together as they form **Your** Takaful contract.*

**Sijil** ini menetapkan apa yang dilindungi terhadap **Anda** seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi atau dicakupi.
*This **Certificate** sets out what **You** are covered for as shown on the **Schedule** and the circumstances where **You** are not protected or covered .*

Sesetengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Sijil** ini**. Anda** boleh menyemak maknanya di bahagian Glosari.
*Some words and expressions have been printed out in **bold** because they have been given specific meaning in the **Certificate. You** will find their meaning in the Glossary.*

Perlindungan takaful yang diperuntukkan di bawah **Sijil** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada **Anda** mengamati dan mematuhi **sepenuhnya** terma-terma, peruntukan-peruntukan, **pengendorsan-pengendorsan** serta fasal-fasal **Sijil** ini.
*The Takaful coverage provided under this **Certificate** is subject to **You** fully observing and fulfilling the terms, provisions, **Endorsements** and clauses of the **Certificate**.*

## KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI / *YOUR DUTY TO INFORM US*

**Kewajipan Pendedahan / *Duty of Disclosure***

**Terpakai bagi Kontrak Takaful Pengguna/*Applicable for Consumer Takaful Contracts***

Apabila **Anda** telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) iaitu **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
*Where **You** have applied for this Takaful wholly for purposes unrelated to **Your** trade, business or profession, **You** have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when **You** applied for this takaful) i.e. **You** should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of **Your** contract of takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of takaful in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013.*

**Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
***You** are also required to disclose any other matter that **You** knew to be relevant to **Our** decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.*

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.
***You** also have a duty to tell **Us** immediately if at any time after **Your** contract of takaful has been entered into, varied or renewed with **Us** any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this takaful) is inaccurate or has changed.*

**Notis-notis Takaful Yang Lain / Notice of Other Takaful**
**Anda** dikehendaki memberitahu **Kami** tentang takaful lain yang telah **Anda** beli ketika **Anda** membeli takaful ini dan juga semasa tempoh perlindungan takaful ini, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang dilindungi di bawah Sijil ini.
***You** must inform **Us** of any other takaful that **You** have subscribed at the time of participating this takaful, and also during the period of this takaful, covering any of the same property covered under this Certificate.*
Notis tersebut hendaklah diberi dan diendorskan oleh **Kami** di dalam Sijil ini sebelum kejadian apa-apa kerugian atau kerosakan.
*Such notice should be given and endorsed by **Us** in this Certificate before the occurrence of any loss or damage.*

## FASAL PERLINDUNGAN / *COVERING CLAUSES*

**Kami** akan melindungi Isi Kandungan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Anda** semasa **Tempoh Dilindungi** dalam **Tempoh Takaful.**
***We** will cover the **Contents** as shown on **Your Schedule** during the **Covered period** within the **Period of takaful.***

Perlindungan ini akan diberikan atas dasar bahawa **Anda** bersetuju untuk membayar kepada **Kami Caruman** bagi perlindungan takaful.
*This cover will be given on the basis that **You** agree to pay **Us** the **Contribution** for the cover.*

Sehubungan dengan apa-apa **Kejadian Yang Dilindungi** yang berlaku dalam **Tempoh Takaful** ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam **Sijil, Kami** akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembaikan, mengganti rugi **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada Isi Kandungan yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual.**

*In respect of **Covered events** occurred during the **Period of takaful** and subject to the limitations, exceptions and conditions contained or endorsed in the **Certificate**, **We** will, by payment or by reinstatement or repair, indemnify **You** against loss or damage to the **Contents** covered as mentioned in the **Schedule**.*

**Sijil** ini melindungi **Anda** sehingga **Jumlah Yang Dilindungi** sebagaimana tercatat di dalam **Jadual** untuk kerugian atau kerosakan terhadap **Isi Kandungan Anda** yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Dilindungi** dalam **Tempoh Dilindungi**
*This **Certificate** covers **You** up to the amount of the **sum covered** as stated in the **Schedule** for loss or damage to **Your Contents** caused by the **Covered event during the Covered period.***

**Isi Kandungan Anda / *Your Contents***

**"Isi Kandungan**" bermakna segala jenis barangan rumah dan setiap **barangan peribadi** yang dihuraikan, yang dimiliki oleh **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** yang biasanya menghuni bersama **Anda** yang terkandung di dalam Premis yang sama yang dinyatakan di dalam **Jadual**.
***"Contents**" means Household goods and **personal effects** of every description, belonging to **You** or any member of **Your family** normally residing with **You** contained in the same **Premises** specified on the **schedule**.*

| Apa yang Dilindungi / *What is Covered* | Apa yang Tidak Dilindungi / *What is Not Covered* |
|---|---|
| **Isi Kandungan** yang dilindungi adalah **terhad** kepada:<br>*The cover for the **Contents** is **limited** to:*<br><br>a) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk telefon pintar, komputer riba, komputer, perabut, piano, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) hendaklah dianggap mempunyai nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada Keseluruhan **Jumlah Yang Dilindungi** ke atas **Isi Kandungan** kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan;<br>*No one article (smart phone, laptop, computer, furniture, pianos, organs, household appliances, radios, television sets, video recorder sets, Hi-Fi equipment not included) shall be of greater value than five (5) percent of the Total **Sum covered** on **Contents**, unless such article is specially declared as a separate item;*<br><br>b) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Keseluruhan **Jumlah Yang Dilindungi** ke atas Isi Kandungan**.**<br>*Total value of platinum, gold and silver articles, jewellery and furs shall not exceed one third of the Total **Sum covered** on contents.* | **Isi Kandungan** yang dilindungi tidak termasuk:<br>*The cover for the **Contents** will not include:*<br><br>a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya;<br>*Part of the structure or ceiling, wallpapers or anything similar;*<br><br>b) Suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan eksesori atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam **Jadual.**<br>*Deeds, bonds, bills of exchange, promissory notes, cheques, securities for money, stamps, documents of any kind, cash, currency notes, bank notes manuscripts, medals and coins, motor vehicles and accessories or livestock unless specifically mentioned in the **Schedule.*** |

## KEJADIAN YANG DILINDUNGI / *COVERED EVENTS*

| **Apa yang Dilindungi /** ***What is Covered*** | **Apa yang Tidak Dilindungi /** ***What is Not Covered*** |
|---|---|
| **Kami** akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada **Isi Kandungan Anda** yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:<br>***We*** *will provide cover for loss or damage to* ***Your Contents*** *caused by any of the following:* | **Kami** tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada **Isi Kandungan Anda** yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:<br>***We*** *will not provide cover for loss or damage to Your* ***Contents*** *due to the following:* |
| 1) Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah<br>*Fire, Lightning, Thunderbolt, Subterranean Fire* | |
| *2)* Letupan / *Explosion* | |
| 3) Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya<br>*Aircraft and Other Aerial Devices and/or articles dropped therefrom* | |
| 4) Kerugian atau kerosakan langsung ke atas **Premis** akibat hentaman daripada:<br>*Loss or damage to* ***Premises*** *directly resulting from impact by :*<br><br>Sebarang kenderaan jalan raya atau **Haiwan Liar** bukan kepunyaan atau dibawah kawalan:<br>*Any road vehicle or* ***Wild animals*** *not belonging to or under the control of:*<br>• **Anda**; atau / ***You****; or*<br>• Ahli **Keluarga Anda**; atau / ***Your family*** *member; or*<br>• *Any resident on the* ***Premises****./ Mana-mana penghuni* ***Premis*** | |
| 5) Pecahan atau Limpahan Tangki, Peralatan atau Paip Air Domestik<br>*Bursting or Overflowing of Domestic Water Tanks, Apparatus or Pipes* | a) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika **Premis** tidak dihuni.<br>*Destruction or damage occurring while the* ***Premises*** *is left unoccupied.* |
| 6) Kecurian, tetapi hanya sekiranya disertai dengan pemecahan masuk atau keluar daripada bangunan secara kasar dan ganas yang nyata atau sebarang percubaan tersebut<br>*Theft, but only if accompanied by actual forcible and violent breaking into or out of a building or any such attempt* | a) Sekiranya **Premis** tidak di huni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara berterusan atau tidak dalam mana-mana satu **Tempoh Takaful,** perlindungan ini akan diberhentikan sementara.<br>*If the* ***Premises*** *is unoccupied for more than ninety (90) days whether consecutively or not in any one* ***Period of takaful,*** *the cover will be suspended.*<br><br>b) Kecurian oleh pembantu rumah domestik **Anda** atau mana-mana ahli **keluarga Anda.**<br>*Theft by* ***Your*** *domestic servants or any member of* ***Your family.*** |
| 7) Hurikan, Siklon, Taufan, Angin Ribut<br>*Hurricane, Cyclone, Typhoon, Windstorm* | |
| 8) Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi<br>*Earthquake, Volcanic Eruption* | |
| 9) Rompakan dan di tahan di dalam premis harta benda **Anda**<br>*Robbery and hold up in the* ***premises*** *of* ***Your*** *property* | |

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS / *SPECIAL PROVISIONS*

1) **Tempoh Semakan Percuma / Free Look Period**

Dalam tempoh empat belas (14) hari dari penerimaan **Sijil**, **Anda** boleh membatalkan **Sijil** dengan mengembalikan **Sijil** kepada **Kami**. **Kami** akan membayar balik sebarang caruman yang dibuat oleh **Anda**.
***You**, within fourteen (14) days of the receipt of the Certificate, may cancel the **Certificate** by returning the Certificate to **Us**. **We** shall refund any contribution made by **You**.*

2) **Tiada Pembayaran Caruman / Non Payment of Contribution**

Tempoh tangguh selama enam puluh (60) hari dari tarikh akhir (termasuk) akan diberikan untuk dibuat bagi setiap **Caruman,** tempoh di mana **Sijil** akan kekal berkuatkuasa **.** Jika sebaran**g Caruman** kekal tertunggak pada akhir Tempoh Tangguh, **Sijil** akan terbatal secara automatik sebaik sahaja Tempoh Tanggu berakhir, dan tiada sebarang perlindungan dan/atau manfaat Takaful akan diberikan.
*A Grace Period of sixty (60) days from its due date (inclusive) will be allowed for payment of each **Contribution** due, during which period the **Certificate** shall remain in force. If any **Contribution** remains unpaid at the end of its Grace Period, the **Certificate** shall automatically terminate at the expiration of the grace period, and shall not provide any Takaful coverage and/or benefit.*

3) **Pengembalian / Reinstatement**

Jika tiada **Caruman** dibuat dalam Tempoh Tangguh yang diberikan, **Sijil** akan terbatal dan tidak akan terdapat sebarang perlindungan dan/atau manfaat Takaful.
*If a **Contribution** is not made within the Grace Period, the **Certificate** shall lapse and there would be no Takaful coverage and/or benefit.*

Atas permohonan Anda dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh akhir Caruman**, Sijil** mungkin boleh diaktifkan semula, mengikut budi bicara mutlak **Kami**, berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh **Kami**.
*Upon **Your** application within six (6) months of the due date of the **Contribution**, the Certificate may be reinstated, at **Our** absolute discretion, on such terms and conditions as prescribed by Us.*

4) **Kriteria Pembaharuan / Renewability Criteria**

Perlindungan ini boleh diperbaharui pada setiap tahun dengan persetujuan bersama antara **Anda** dan **Kami**, tetapi walau dalam apa jua perkara, akan tamat pada akhir Tempoh Takaful apabila **Anda** telah mencapai umur tujuh puluh (70) tahun.
*This cover may be renewed from year to year by mutual agreement between **You** and **Us**, but in any case shall terminate at the end of the Period of Takaful during which **You** attain the age of seventy (70) years.*

5) **Liabiliti Maksimum Kami / Our Maximum Liability**

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **Tempoh Takaful** tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan **Jumlah *Yang D*ilindungi** yang dinyatakan secara khusus di dalam **jadual** atau jumlah lain yang disahkan di dalam **Sijil.**
***Our** total liability to **You** in respect of loss or damage during any one **period of takaful** will not exceed the amount stated against each item or in the aggregate, the Total **Sum covered** specified on the **Schedule** or such other sum or sums endorsed in this **Certificate**.*

6) **Caruman Tidak Terjamin / Non-Guaranteed Contributions**

**Caruman** adalah tidak dijamin dan boleh disemak oleh **Kami** semasa pembaharuan **Sijil. Kami** akan menasihati **Anda** mengenai perubahan tersebut secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun **Sijil**.
*The **Contributions** are not guaranteed and may be revised by **Us** upon renewal of the **Certificate**. **We** will advise **You** of the change in writing at least thirty (30) days prior to the **Certificate** anniversary.*

## PENGECUALIAN AM / *GENERAL EXCEPTIONS*

**Anda** tidak akan dilindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:
***You** will not be covered under the following circumstances:*

**Pengecualian Am 1 / *General Exception 1***

**Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
***We** will not cover loss or damage or other contingency caused directly or indirectly by:*

a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
*War, invasion, act of foreign enemy, hostilities, or warlike operations (whether war be declared or not), civil war;*

b) Pemberontakan, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, penentangan, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisyitiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
*Mutiny, riot, military or popular uprising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power, martial law or state of siege or any of the events or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege;*

c) Sebarang tindakan keganasan.
*Any act of terrorism.*

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan.
*For this purpose an act of terrorism means an act, including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or groups of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organisations or governments, committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public or any section of the public in fear.*

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana **kejadian** tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh Takaful ini, melainkan **Anda** boleh membuktikan kerugian/kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.
*Any loss or damage or other contingency happening during the existence of abnormal conditions (whether physical or otherwise) which are caused directly or indirectly, of any of the said* ***occurrences*** *shall be deemed to be loss, damage or a contingency which is not covered by this takaful.* ***You*** *have to prove that such loss/damage or other contingency happened independently of the existence of such abnormal conditions.*

Di dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada **Anda.**
*In any action, suit or other proceedings, where* ***We*** *alleges that by reason of the provisions of this Condition any loss or damage is not covered by this takaful , the burden of proving that such loss or damage is covered shall be upon* ***You.***

**Pengecualian Am 2 /** ***General Exception 2***

**Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:
***We*** *will not cover loss or damage:*

a) kepada **Isi Kandungan** melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan harta tersebut atau disebabkan oleh sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
*to the* ***Contents*** *by the property's own fermentation, natural heating or spontaneous combustion or by its undergoing any heating or drying process;*

b) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
*arising from or in consequence of or contributed to by nuclear weapons material;*

c) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
*arising from or in consequence of or contributed to by ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for this purpose, combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.*

**Pengecualian Am 3 /** ***General Exception 3***

**Kami** tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerosakan.
***We*** *will not cover* ***Consequential loss*** *or damage of any kind.*

## BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA / *HOW WE WILL SETTLE YOUR CLAIM*

**Kepentingan Perlindungan / Cove*rable Interest***

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami** kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda** atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan Takaful ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** mengendors **Sijil** ini.
*Only* ***You*** *have rights to claim from* ***Us****, except upon* ***Your*** *death, or by operation of law, the passing of interest of this takaful to another person shall only take effect after* ***We*** *have endorsed the* ***Certificate.***

Tidak Ada Hak untuk Membuat Tuntutan Daripada Orang Lain
*No Right of Claim from Any Other Person*

Ketika **Sijil** ini melindungi harta milik **Keluarga Anda**, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.
*Whilst the **Certificate** covers property of **Your family**, only **You** can make a claim on their behalf.*

**Nilai Pasaran / *Market Value***

**Kami** akan mengganti rugi **Anda** nilai yang dilindungi atau **nilai pasaran** bagi harta yang dilindungi yang mana lebih rendah.
***We** will indemnify **You** the covered value or the **market value** of the covered property whichever is lower.*

Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana **haus** dan **lusuh** dan/atau **susut nilai**.
*Market value means the value of the property covered at the time of loss or damage less allowance for **wear** and **tear** and/or **depreciation.***

Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh **Kami** daripada:-
*The market value shall be determined by a valuation obtained by Us from the:-*

- pembuat, atau
  *manufacturer, or*
- ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
  *authorised sole agent or agent, or*
- broker yang sah, pengedar yang sah, atau
  *authorised broker, authorised distributor, or*
- penyelaras kerugian berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau
  *loss adjuster registered under the Islamic Financial Services Act 2013, or*
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 yang dilantik secara bersama di antara **Anda** dan **Kami**.
  *Registered Valuer under the Valuers, Appraisers and Estate Agents Act Act 1981 to be mutually appointed by both **You** and **Us**.*
- Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.
  *The valuation so obtained shall be conclusive in any legal proceedings against **Us.***

**Takaful Lain / Insurans Lain**
***Other Takaful / Other Insurans***

Jika terdapat sebarang **Sijil** lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau laibiliti, **Kami** hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.
*If there are any other policies covering the same or part of the same loss, damage or liability, **We** will only pay a share of the total loss, damage or liability proportionally.*

**Subrogasi / *Subrogation***

**Kami** berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda:**
***We** are entitled to undertake in **Your** name and on **Your** behalf:*

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
  *the full conduct, control and settlement of any proceedings;*
- mendapatkan kembali pampasan atau **gantirugi** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.
  *recover compensation or secure **indemnity** from any third party in respect of anything covered by this **Certificate.***
- di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.
  *at **Our** own expense and benefit.*

**Penipuan / *Fraud***

**Kami** tidak akan membayar sekiranya tuntutan **Anda** dibuat dengan cara penipuan oleh **Anda** atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda.**
***We** will not pay if **Your** claim is in any way fraudulent by **You** or persons acting on **Your** behalf.*

**Hak Akses dan Kawalan / *Right of Access and Control***

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:
*On the happening of any loss or damage **We** are entitled to:*

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
  *enter any building where the loss or damage has happened;*
- mengambil dan mengekal milik harta yang dilindungi;
  *take and keep possession of the covered property;*
- menguruskan sisaan harta yang dilindungi yang telah rosak.
  *deal with the salvage of the damaged covered property.*

Walau bagaimanapun **Anda** tidak boleh meninggalkan harta yang dilindungi yang telah rosak itu kepada **Kami**.
*However, **You** shall not abandon the damaged covered property to **Us**.*

**Timbangtara /** ***Arbitration***

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika **Anda** dan **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

*Any difference on the amount of any loss of damage between **You and Us** shall be referred to an arbitrator who shall be appointed in writing by **You** and **Us**. In case **You** and **Us** are unable to agree on a single Arbitrator, within two months of being required in writing to do so by either party, then **You** and **Us** shall be entitled to appoint an Arbitrator each who shall appoint an Umpire to preside over their meetings. However, one party is at liberty to appoint a sole Arbitrator, should the other party within two months of the written notice fail to appoint the other Arbitrator.*

Kos timbangtara dan keputusan hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat keputusan.
*The costs of arbitration and awards shall be decided by the Arbitrator, Arbitrators or Umpire.*

**Anda** dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa keputusan oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding guaman terhadap **Kami.**
***You** and **Us** clearly agree that the awards by the Arbitrator, Arbitrators or Umpire shall be obtained first before **You** can commence legal proceedings on **Us.***

## BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN / *HOW TO MAKE A CLAIM*

**Notis dan Bukti Tuntutan /** ***Notice and Proof of Claim***

**Anda** hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:
***You** must immediately notify in writing to **Us** of any loss or damage and:*

- dalam tempoh 30 hari selepas kejadian dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan.
  *at **Your** own expense and within 30 days after the incident, deliver to **Us** a claim in writing with detailed particulars and proofs as **We** may reasonably require;*

- bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.
  *for loss or damage by theft or attempted theft, **You** must immediately make a Police report.*

**Anda** hendaklah menghantar kepada **Kami** dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.
***You** shall send to **Us** immediately any writ, summons or other legal process issued or commenced against **You** and provide all necessary information and assistance to enable **Us** to settle or resist any claim or institute proceedings.*

**Anda** tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada **Kami**:
***You** shall not without **Our** written consent:*

- mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
  *admit or repudiate any claim or liability;*
- menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.
  *offer or negotiate to pay a claim.*

## TANGGUNGJAWAB ANDA / *YOUR RESPONSIBILITY*

**Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Berhati-hati /** ***Duty of care***

**Anda** hendaklah menggunakan segala usaha dan berhati-hati menyelenggara **Premis** tersebut dalam keadaan yang sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuanpunya **Premis**, **Anda** hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.
***You** shall use all reasonable diligence and care to keep the **Premises** in proper state of repair. As owner of the **Premises**, **You** shall made good as soon as possible any defect discovered and shall, in the mean time, take additional precautions to prevent injury, loss or damage.*

**Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada mana-mana orang atau badan awam.
***We** will not be liable for any injury, loss or damage caused by **You** failing to remedy such defect after receiving notice from **Us** or from any person or public body.*

**Fasal Sijil Tanpa Nilai / *Unvalued Certificate Clause***

Ini adalah suatu **Sijil** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga **Kami** berpuashati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.
*This is an unvalued **Certificate**. **You** must prove to **Our** satisfaction the value of the property at the time of the happening of its destruction or the amount of such damage.*

## BAGAIMANA SIJIL ANDA BOLEH DIBATALKAN / *HOW YOUR CERTIFICATE MAY BE CANCELLED*

**Anda** boleh membatalkan **Sijil ini** pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada **Kami.**
***You** may cancel this **certificate** at any time by giving **Us** notice in writing.*

**Kami** juga boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** notis empat belas hari secara bertulis. Sijil ini akan tamat sekiranya **Anda** meninggal dunia.
***We** may also cancel this **certificate** at any time by giving **You** fourteen days' notice in writing. This **Certificate** will be terminated if **You** are deceased.*

## GLOSARI / *GLOSSARY*

Setengah-setengah perkataan dan ungkapan di dalam **Sijil** ini mempunyai makna yang spesifik seperti di bawah. Setiap perkataan yang muncul dicetak dalam huruf tebal.
*Some words and expressions in this **Certificate** have a specific meaning which is given below. Each word is printed in bold where it appears.*

**"Kerugian Turutan"** bermakna kerugian kewangan.
***"Consequential loss"** means financial loss.*

**"Kontrak Takaful Pengguna"** bermaksud takaful sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Peserta.
***"Consumer Takaful Contracts"** means takaful wholly for purposes unrelated to the Participant's trade, business or profession.*

**"Susut nilai"** bermakna pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat **haus dan lusuh**.
***"Depreciation"** means the reduction in the value of the item or property due to **wear and tear.***

**"Pengendorsan"** bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **Sijil** yang ditunjukkan di dalam **Jadual**.
***"Endorsement"** means a written alteration to the terms, conditions and limitations of this **certificate** which is shown on the **Schedule.***

**"Keluarga"** dan **"Penghuni Rumah"** bermakna pasangan atau anak-anak yang selalunya menghuni dengan **Anda.**
***"Family"** and **"Household"** means spouse and children who normally reside with **You.***

**"Ganti Rugi"** bermakna meletakkan **Anda** kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.
***"Indemnity"** means putting **You** back to **Your** same financial position immediately before the loss.*

**"Kejadian Yang Dilindungi"** bermakna salah satu peril yang disenaraikan di dalam **Sijil** ini.
***"Covered event"** means one of the perils listed under this **Certificate.***

***"Tempoh Dilindungi"** bermaksud*
- 5 hari sebelum dan 5 hari selepas pengisytiharan Cuti Umum Negara, dan
- Cuti sekolah rendah yang diisytiharkan oleh Kementerian Pendidikan, dan
- Cuti sekolah menengah yang diisytiharkan oleh Kementerian Pendidikan

***"Covered period"** means:*
- *5 days before and 5 days after the declared National Public Holiday, and*
- *Primary school holidays declared by Ministry of Education, and*
- *Secondary school holidays declared by Ministry of Education*

***"Haiwan Liar"** bermaksud: haiwan yang tidak dipelihara atau dijinakkan atau kebiasaanya tinggal di dalam persekitaran semulajadi.*
***"Wild animals"** means**:** animals that have not been domesticated or tamed and are usually living in a natural environment.*

**"Kejadian"** bermakna waktu sebenar insiden itu berlaku.
***"Occurrence"** means the exact period when the incident took place.*

**"Tempoh Takaful"** bermakna tempoh mula di mana Kami bersetuju memberi perlindungan kepada Anda dan berakhir pada tengah malam hari sebelum ulang tahun Sijil. Ulang tahun Sijil adalah tercatat di dalam **Jadual.**
***"Period of takaful"** means the period commencing at the time **We** agree to give **You** cover and finishes at midnight on the day of prior to **Certificate** anniversary. The **Certificate** anniversary is shown on the **Schedule.***

**"Barangan Peribadi"** bermakna barangan milik peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaanya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.
***"Personal Effects"** means personal items regularly worn or carried on the person for his/her personal use, for example clothing, watch, wallet.*

**"Sijil"** bermakna kontrak Takaful **Anda** yang mengandungi penyataan **Sijil** ini dan **Jadual**.
***"Certificate"*** *means* ***Your*** *Takaful contract which consists of this certificate wording and* ***Schedule.***

**"Caruman"** bermakna sebarang jumlah yang **Kami** minta **Anda** bayar di bawah **Sijil** ini dan termasuk caj kerajaan.
***"Contribution"*** *means any amount* ***We*** *require* ***You*** *to pay under the* ***certificate*** *and includes Government charges.*

**"Rompakan dan tahan"** bermakna harta benda yang dilindungi sama ada diambil atau diserahkan; kedua-dua keadaan disebabkan paksaan, ancaman atau ugutan keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda**, atau mereka yang tinggal dengan **Anda** dalam rumah yang sama, atau orang lain yang dibenarkan berada di premis **Anda**.
***"Robbery and hold up"*** *means that the items covered are either taken away or surrended; in both instances due to force, menaces or threat of physical violence made against* ***You****, or persons living with* ***You*** *in a common household, or other persons authorized to be on* ***Your*** *premises.*

**"*Jadual"*** *bermakna* ***jadual Sijil*** *di mana jumlah yang dilindungi dinyatakan.*
***"Schedule"*** *means the* ***certificate schedule*** *where the* ***sum covered*** *is specified.*

**"Premis"** bermakna alamat kediaman anda, diklasifikasikan sebagai Pembinaan Kelas 1A seperti yang tercatat di dalam **Jadual.**
***"Premises"*** *means your residential address, classified as Class 1A Construction, as shown on the* ***Schedule****.*

***"Pembinaan Kelas 1A"****bermaksud*

1) *Dinding :*
   *Dinding luar sehingga ke peringkat cucur atap (tidak termasuk tingkap dan pintu) adalah terdiri daripada:-*
   *Binaan batu, konkrit, konkrit bertetulang, autoklaf konkrit berudara, bata berongga, blok pepejal dan / atau papak tidak kurang daripada 100mm (4in) tebal dan / atau mana-mana bahan-bahan lain yang mempunyai sekurang-kurangnya ketahanan api yang sama seperti mana-mana salah satu daripada sumber yang dinyatakan di atas seperti yang disahkan oleh Badan Berkuasa dan*
2) *Tingkat akan dibina daripada konkrit bertetulang tidak kurang daripada 125mm (ketebalan 5 in), dan*
3) *Bumbung:*
   *Lapisan luaran terdiri sepenuhnya daripada bahan yang tidak mudah terbakar*

***"Class 1A Construction"*** *means*

1) *Wall:*
   *External walls up to the eaves level (excluding windows and doors) to be of :-*
   *Brickwork masonry, concrete, reinforced concrete, autoclaved aerated concrete, hollow bricks, solid blocks and/or slabs not less than 100mm (4in) thick and/or any other materials having at least the same fire resistance as any one of the materials cited in above as certified by an Authorized Body, and*
2) *Floors to be constructed of reinforced concrete not less than 125mm (5 ins.thick), and*
3) *Roofs:*
   *The external covering to be entirely of non-combustible materials*

**"Jumlah Yang Dilindungi"** bermakna jumlah yang **Anda** lindungi ke atas **Isi Kandungan Anda** seperti yang tercatat di dalam **Jadual**
**"Sum covered"** means the amount **You** have covered on **Your** contents as shown on the **Schedule**.

**"Haus** dan **lusuh"** bermakna kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.
***"Wear*** *and* ***tear"*** *means damage or a reduction in value through age, ordinary use or lack of maintenance.*

**"Kami"** bermakna Pengendali Takaful.
***"We, Our and Us"*** *means the Takaful Operator.*

**"Anda"** bermakna orang yang dinamakan di dalam **Jadual** iaitu pihak Peserta.
***"You*** *and* ***Your"*** *means the person(s) named on the* ***Schedule*** *as the Participant.*

**PERKONGSIAN AGIHAN / *SURPLUS SHARING***

**Kami** akan menguruskan caruman Takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya ditempatkan ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Akaun Pelaburan Risiko Pelbagai. Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** yang dilampirkan bersama **Sijil**, terdapat lebihan bersih di dalam Akaun Pelaburan Risiko Pelbagai, 50% daripada lebihan bersih tersebut akan dikongsi di bawah kontrak Hibah secara berkadar oleh Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan didalam Jadual tersebut sementara Sijil tersebut berkuatkuasa.
***We*** *will manage* ***Your*** *takaful contributions by charging a Gross Wakalah Fee as approved by the regulatory authorities under the principle of Wakalah, and subsequently continue to be placed into Takaful fund through General Risk Investment Account (GRIA). If at end of the* ***Period of takaful*** *stated in the Schedule attached to the Certificate, there is a net surplus in the (GRIA), fifty percent (50%) of the net surplus shall be shared under the contract of Hibah proportionately among Participants that have not incurred any claim and/or not received any benefits under the same class of risk as stated in the aforesaid* ***Schedule*** *whilst the* ***Certificate*** *is in force.*

Semua peserta yang memperbaharui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.
*All retail participants who renew the certificate after expiry and have not incurred any claims during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.*

**Sijil i**ni dan **Jadual** di dalamnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadualnya hendaklah membawa maksud sedemikian di mana ia tercatat.
*This* ***Certificate*** *and the* ***Schedule*** *shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this* ***Certificate*** *or the* ***Schedule*** *shall bear such meaning wherever it may appear.*

**PENGURUSAN CARUMAN AMAUN KECIL / TREATMENT OF SMALL CONTRIBUTION AMOUNT**
Untuk apa-apa amaun yang kena dibayar dan perlu dibayar kepada Anda yang kurang daripada Pengurusan Caruman Amaun, Kami akan mendermakan jumlah wang sedemikian seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Walau bagaimanapun, jika Anda memutuskan sebaliknya, Anda dikehendaki mengemukakan permintaan rasmi kepada Kami. Nilai Pengurusan Jumlah Caruman Kecil perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Syariah Kami.
*For any amount due and payable to You which is less than the value of Small Contribution Amount, We will donate such amount of money to charity as approved by Our Shariah Committee. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us. The value of Small Contribution Amount is subject to be approved by Our Shariah Committee.*

**MAKLUMAT LANJUT / *FURTHER INFORMATION***

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Isi Rumah, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo mengenai “Takaful Isi Rumah", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan daripada ejen Takaful atau melayari laman web www.insuranceinfo.com.my
*Should you require additional information on Home Contents Takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on “Home Contents Takaful”, available at all our branches or you can obtain a copy from the Takaful agent or visit www.insuranceinfo.com.my*

**PENTING / *IMPORTANT***
Peserta hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan sekiranya terdapat sebarang kesalahan atau silap tafsiran di dalamnya, atau perlindungan yang diberikan tidak seperti yang diharapkan oleh Peserta, anda perlulah memaklumkan dengan segera kepada pihak Pengendali Takaful dan Sijil akan dikembalikan dengan serta merta.
*The Participant shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Participant, advice should at once be given to the Takaful Operator and the Certificate returned for attention.*

**TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL / *PROCEDURES FOR MAKING TAKAFUL COMPLAINTS***
Sila periksa Sijil Takaful untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan **Anda**.
*Please examine the Takaful Certificate to ensure that it meets Your requirement.*

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Sijil, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.
To avoid misunderstanding, it is very important that this Certificate, the Certificate Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan Sijil **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana Sijil dikeluarkan.
If You have any complaints or grievances pertaining to Your Certificate, please contact Your consultant, if any or get in touch with Our issuing office. We assure You that Your complaints will be attended to promptly.

Sebagai Pengendali Takaful yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan bahawa **Anda** juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.
As a responsible Takaful Operator, We wish to bring to Your attention that You could also address Your dissatisfaction to the Ombudsman For Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia’s Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

**Tatacara Membuat Aduan Kepada OFS / Procedures for complaint to OFS**

Jika **Anda** tidak perpuas hati dengan keputususan **Kami**, **Anda** boeh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Sijil **Anda**.
*If You are not satisfied with Our decision, You may write to the Mediator with details of the dispute and particulars of Your Certificate.*

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Pengendali Takaful, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan pihak Pengantara dalam masa 14 (empat belas) hari.
*If the Mediator makes an award against Us, You are required to inform the Mediator of Your decision to accept or deny the award within 14 (fourteen) days.*

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.
*If You do not accept the award, You may reject the decision of the Mediator. You are free to institute a court proceeding against Us or refer it to Arbitration.*

**Anda** boleh menghubungi pihak Pengendali Takaful di:
*You may lodge a complaint with Us at:*

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
Level 23A, Mercu 3
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City
59200 Kuala Lumpur
Tel: 03-2109 6000
Fax: 03-2109 6888
Email: callcentre@zurich.com.my

**Anda** boleh menghubungi OFS di:
*You may communicate with OFS at:*

**Ombudsman For Financial Services (OFS)**
(Formerly Known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

**Tatacara Membuat Aduan Kepada Pusat Khidmat Panggilan / *Procedures for complaint to CSB***

Sebagai pilihan, Anda boleh mengemukakan ketidakpuasan hati Anda mengenai tindakan Pengendali Takaful dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir sijil anda kepada:
*Alternatively You may put forward You dissatisfaction over Our conduct by writing to CSB giving details of Your complaint and particulars of Your Certificate to:*

**Contact Centre (BNMTELELINK)**
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,
P.O. Box 10922,
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Overseas: +603-2174 1717)
Fax: 03-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

**PENGENDORSAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA**
***ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE WHEN SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO***

**Penting / *Important***

Anda hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Anda, Kami perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian.
*You shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with Your wishes, advice should at once be given to the Us and the Certificate returned for attention.*